

Ditawar upah 10 peratus nilai barang, dorong sindiket seludup dadah

# Ganja RM1.5 juta dirampas

Oleh NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamulia.com

**KANGAR:** Menerima upah lumayan sehingga boleh mencapai 10 peratus daripada nilai barang membuatkan sindiket penyeludupan dadah tidak serik membawa masuk bahan larangan tersebut ke negara ini.

Malah seorang tekong sanggup memperjudikan nyawa dengan terjun ke laut bagi mengelak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) ketika membawa dadah, dalam Op Khas pada jarak 0.4 batu nautika dari barat pantai Sungai Padang, Sanglang di sini Jumaat lalu.

Dalam operasi kira-kira pukul 3 pagi itu, sebanyak 300 kilogram ketulan ganja dianggarkan bernilai RM1.5 juta yang cuba diseludup masuk ke negeri ini dari negara jiran itu dirampas pihak berkuasa.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Malaysia Kedah dan Perlis, Kapten Maritim Zulinda Ramly berkata, serbuan tersebut dibuat ke atas sebuah bot fiber tanpa nombor pendaftaran yang dikesan dikemudi seorang lelaki men-curigakan.

“Menyedari kehadiran bot Maritim Malaysia, bot fiber tersebut menukar haluan dan memecut ke arah kawasan paya



**ZULINDA Ramly (kiri) menunjukkan ketulan mampat ganja yang dirampas Maritim Malaysia Jumaat lalu dalam sidang akhbar di Maritim Malaysia Zon Kuala Perlis di Kangar, semalam.**

bakau, namun bot itu dapat dipintas. Tekong tersebut tekad terjun ke laut dan melarikan diri

di kawasan paya bakau berhampiran.

“Hasil pemeriksaan ke atas

bot tersebut, kita menemukan 11 bungkusan guni yang mencurigakan dalam petak ikan bot

berkenaan.

“Pemeriksaan lanjut menemukan sebanyak 280 ketulan mampat ganja yang diikat ke mas dengan plastik putih yang diseludup masuk dari negara jiran,” katanya dalam sidang akhbar di pejabat Maritim Malaysia Zon Kuala Perlis, di sini semalam.

Sementara itu, Zulinda memberitahu, kesemua barang rampasan termasuk bot dengan nilai keseluruhan RM1.53 juta tersebut dibawa ke Zon Maritim Kuala Perlis untuk tindakan lanjut dan kes disiasat di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya.

Menurutnya, suspek yang meloloskan diri tersebut dipercayai berasal dari selatan Thailand.

“Dadah ini dipercayai untuk diedarkan di pasaran utara tanah air meliputi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

“Kejayaan operasi kali ini hasil intipan dan risikan yang dilakukan selama beberapa minggu dalam usaha mematahkan sindiket penyeludupan antarabangsa di perairan negara ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Maritim Malaysia Kedah dan Perlis telah merampas dadah dan ketum bernilai RM31 juta dari awal tahun sehingga kini.